

TARIKH	17/3/2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	12	RUANGAN	PALAM NEGERI

## Daftar haji awal elak terlalu lama menunggu

KUCHING 16 Mac - Umat Islam dinasihatkan tidak berlengah dan bersikap sambil lewa untuk mendaftar sebagai bakal jemaah haji kerana giliran menunaikan ibadat itu dibuat berdasarkan tarikh pendaftaran.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH), Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor berkata, masih ramai yang menganggap kerajaan mengemukakan pemilihan mengikut kuota negeri sedangkan perkara tersebut tidak berlaku.

"Pemilihan sebenarnya dilakukan berdasarkan tarikh pendaftaran seseorang bakal haji, jadi individu yang mendaftar awal maka dia yang akan pergi dulu, tidak kira dia dari negeri mana pun.

"Jumlah jemaah haji dari sesebuah negeri sedikit mungkin disebabkan giliran mereka belum sampai, bukan sebab kuota. Jadi orang ramai perlu mendaftar lebih awal untuk mengelak menunggu terlalu lama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM787,518.85 kepada Tabung Baitulmal Sarawak

(TBS) yang diwakili Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.


Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak (MIS), Datuk Putit Matzen dan Pengarah TH negeri, Hamid Awang.

Baru-baru ini terdapat rungutan pihak tertentu yang mendakwa bilangan jemaah haji dari negeri itu semakin berkurangan sejak dua tahun lalu disebabkan kuota jemaah haji Sarawak telah dikurangkan.

Sebagai contoh, hanya sejumlah 660 jemaah haji dari negeri ini terpilih untuk menunaikan ibadat itu pada tahun lalu berbanding 800 jemaah haji pada 2010 dan 1,200 pada tahun sebelumnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Abi Musa Asa'ari berkata, pihaknya telah mengeluarkan surat panggilan kursus kepada bakal jemaah haji yang terpilih di seluruh negara bermula bulan ini.

"Saya tidak dapat memberitahu jumlah yang terpilih kerana tidak mempunyai statistiknya sekarang, namun, kita harap semua calon bersabar kerana surat panggilan akan dihantar secara berperingkat," katanya.



ABDUL Taib Mahmud menerima replika cek daripada Abi Musa Asa'ari di Wisma Bapa Malaysia, Kuching, semalam.